

JURISDICTIONAL OVERLAP BETWEEN THE CIVIL COURTS AND THE SYARIAH COURTS: ANALYSIS AND SOLUTIONS

PERTINDIHAN BIDANGKUASA ANTARA MAHKAMAH SIVIL DAN MAHKAMAH SYARIAH: ANALISIS DAN SOLUSI

ⁱJamadi Saleh, ⁱMuhammad Mujiburrahman Amir Paisal, ⁱⁱNurul Rafeeqa Afdul Mutolip ⁱFaezahwaty Abdul Mohamed Ibnu
ⁱMervyn @ Hasan Sainy ⁱHairul Vaiyron bin Othman ⁱRitchie Jay Cheng ⁱMohd Zulfadhli Darman Shah ⁱAsmidah
Ahmad

ⁱ Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail : salehjamadi@gmail.com

ABSTRACT

Malaysia adopts a dual judicial system which separates the jurisdiction of the Civil Courts and the Syariah Courts as provided under the Federal Constitution. This division is primarily based on Article 121(1A) and the State List in the Ninth Schedule, which empowers the State Legislative Assemblies to enact laws relating to Islamic affairs. However, in practice, the separation is not without overlap, particularly in matters involving religious status, marriage and divorce, child custody, and Syariah criminal offences. Such overlap arises when the jurisdictional conditions of the Syariah Courts—namely that the parties must be Muslims and the subject matter must fall within Paragraph 1 of the State List—intersect or conflict with the jurisdiction of the Civil Courts. This has led the Courts, especially the Federal Court, to resolve interpretative conflicts through case law, as seen in *Latifah bte Mat Zin*, *Indira Gandhi*, *Iki Putra Mubarrak* and *Nik Elin Zurina*. This study examines the historical basis of the judicial division, clarifies the jurisdictional scope of both Courts, evaluates the issues of overlap that arise, and proposes recommendations for harmonising the judicial system to ensure clarity, coherence, and effective administration of justice in Malaysia's plural society.

Keywords: *Civil Courts, Syariah Courts, Article 121(1A), Jurisdictional Overlap, Malaysian Judicial System*

ABSTRAK

Malaysia mengamalkan sistem kehakiman dwi-bidang kuasa yang memisahkan Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah berdasarkan kerangka Perlembagaan Persekutuan. Pembahagian ini berasaskan Perkara 121(1A) serta Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan yang memberi kuasa kepada Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang berkaitan hal ehwal Islam. Namun, pelaksanaan pembahagian tersebut tidak bebas daripada pertindihan, khususnya dalam kes berkaitan status agama, perkahwinan, perceraian, hak penjagaan anak dan kesalahan jenayah Syariah. Pertindihan berlaku apabila syarat bidang kuasa Mahkamah Syariah—iaitu pihak-pihak mesti beragama Islam dan subjek tuntutan mestilah termasuk dalam ruang lingkup Perenggan 1 Senarai Negeri—bertindih atau bertentangan dengan bidang kuasa Mahkamah Sivil. Keadaan ini menyebabkan Mahkamah, khususnya Mahkamah Persekutuan, terpaksa menyelesaikan konflik tafsiran undang-undang melalui keputusan kes seperti *Latifah bte Mat Zin*, *Indira Gandhi*, *Iki Putra Mubarrak* dan *Nik Elin Zurina*. Kajian ini menelusuri asas sejarah pengasingan kuasa Kehakiman, menjelaskan skop bidang kuasa kedua-dua Mahkamah, menilai isu pertindihan yang timbul serta mengemukakan cadangan penambahbaikan ke arah penyelarasan sistem kehakiman yang lebih harmonis, jelas dan berfungsi secara efektif dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia.

Kata kunci: *Mahkamah Sivil, Mahkamah Syariah, Perkara 121(1A), Pertindihan Bidang Kuasa, Sistem Kehakiman Malaysia*

Pengenalan

Malaysia mempunyai sistem kehakiman yang bersifat dualisme, iaitu kewujudan Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah yang berfungsi secara berasingan. Dualisme ini terbentuk hasil sejarah yang panjang, bermula sejak zaman pra-penjajahan di mana undang-undang adat dan hukum Syariah digunakan secara meluas dalam masyarakat Melayu. Namun, selepas kedatangan British, sistem perundangan common law diperkenalkan, lalu mewujudkan pembahagian bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah yang kekal hingga hari ini.

Walaupun Islam diiktiraf sebagai agama Persekutuan menurut Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan, sistem undang-undang Malaysia secara keseluruhannya adalah bersifat sekular sebagaimana ditegaskan dalam kes *Che Omar Che Soh v Public Prosecutor* (1988). Punca kuasa kepada penggubalan undang-undang adalah Perlembagaan Persekutuan, bukan al-Quran dan al-Sunnah. Namun, Perlembagaan turut memperuntukkan kuasa Negeri untuk menggubal undang-undang berkaitan hukum Islam melalui Perenggan 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, yang seterusnya membawa kepada penubuhan Mahkamah Syariah di setiap Negeri dan Wilayah Persekutuan.

Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan menegaskan bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa terhadap perkara di bawah kuasa eksklusif Mahkamah Syariah, khususnya yang melibatkan orang Islam. Namun, dalam praktiknya, konflik bidang kuasa antara kedua-dua sistem ini masih berlaku (*Che Pa et al*, 2016), terutamanya dalam isu-isu yang menyentuh hak individu, status perkahwinan, pembubaran rumah tangga, dan peralihan agama. Selain itu, batasan hukuman di Mahkamah Syariah melalui Akta 355 turut menimbulkan perbahasan berkaitan kewajaran pelaksanaan hukuman hudud dan qisas dalam sistem perundangan negara.

Sehubungan itu, penulisan ini akan menelusuri sejarah dan asas perlembagaan kepada pembahagian kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, menilai punca pertindihan yang berlaku, serta membincangkan implikasi dan cadangan penambahbaikan agar sistem kehakiman negara dapat berfungsi dengan lebih harmoni, adil dan menepati keperluan masyarakat majmuk Malaysia.

Penyataan Masalah

Walaupun Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 121(1A) telah memperuntukkan pemisahan kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, isu pertindihan bidang kuasa masih berlaku dalam amalan. Pertindihan ini sering timbul dalam kes-kes berkaitan status agama, perkahwinan dan perceraian, hak penjagaan anak, serta kesalahan jenayah Syariah. Ketidakjelasan dalam tafsiran peruntukan undang-undang, perbezaan agama antara pihak yang bertikai, serta pertindihan skop

penggubalan undang-undang antara Parlimen dan Dewan Undangan Negeri menyebabkan kedua-dua mahkamah berdepan konflik dalam menentukan kuasa masing-masing. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan kekeliruan dari sudut perundangan, malah memberi implikasi kepada keadilan dan hak pihak-pihak yang terlibat. Justeru, isu ini memerlukan analisis menyeluruh bagi mengenal pasti punca pertindihan dan mencari penyelesaian yang efektif dan praktikal.

Objektif

Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk:

1. Menelusuri asas sejarah dan kerangka Perlembagaan yang membentuk pembahagian bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah di Malaysia.
2. Menjelaskan skop bidang kuasa kedua-dua mahkamah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan dan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan.
3. Menganalisis isu dan bentuk pertindihan bidang kuasa melalui kajian terhadap kes-kes mahkamah yang relevan seperti Latifah bte Mat Zin, Indira Gandhi, Iki Putra Mubarrak dan Nik Elin Zurina.
4. Mencadangkan langkah penambahbaikan dan mekanisme penyelarasan yang boleh dilaksanakan bagi mengharmonikan pentadbiran keadilan dalam sistem kehakiman dwi-bidang kuasa di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk analisis kepustakaan, iaitu melalui:

1. Kajian Dokumen Perundangan: Analisis terhadap Perlembagaan Persekutuan, Enakmen Syariah Negeri, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355), dan undang-undang bertulis lain yang berkaitan.
2. Kajian Kes (Case Law Analysis): Penelitian terhadap keputusan Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan yang membincangkan pertindihan bidang kuasa, antaranya: Latifah bte Mat Zin v Rosmawati bte Sharibun (2007), Indira Gandhi a/p Mutho (2018), Iki Putra Mubarrak (2021) dan Nik Elin Zurina (2024)
3. Kajian Literatur Akademik: Rujukan kepada artikel jurnal, buku, laporan kajian, dan penulisan ilmiah terdahulu mengenai hubungan dan konflik bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.
4. Kaedah Analisis Tafsiran Undang-Undang (Purposive Interpretation): Menggunakan pendekatan pentafsiran bertujuan (purposive approach) bagi memahami niat asal peruntukan undang-undang dan hubung kaitnya dengan keadaan semasa.

Bidang Kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah di bawah Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan undang-undang yang tertinggi di Malaysia. Ia jelas termaktub di dalam Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan itu sendiri. Ini bermakna, apa-apa undang-undang lain yang digunapakai di Malaysia sekiranya ia bertentangan dengan semangat ataupun apa-apa peruntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan akan menjadi terbatal pada takat pertentangannya (Bari, 2002). Sebagai undang-undang tertinggi di Malaysia, ia telah menjadi asas kepada penubuhan Malaysia sebagai sebuah Persekutuan yang dianggotai oleh tiga belas buah Negeri-negeri iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu. Di samping Negeri-negeri tersebut, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan juga Putrajaya telah dibentuk yang melibatkan persempadanan Wilayah Persekutuan dengan dua buah Negeri yang terlibat, iaitu Selangor dan Sabah menerusi Perkara 1(4) Perlembagaan Persekutuan (Abdullah et al, 2019).

Sebegitu, kerangka kenegaraan Malaysia juga telah digariskan secara jelas oleh Perlembagaan Persekutuan melalui tiga komponen utama yang berasingan iaitu Legislatif, Eksekutif dan Kehakiman. Bagi komponen Kehakiman, Perkara 121(1) dibaca bersekali dengan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan telah pula membahagikan bidang kuasa berasingan di antara Mahkamah Sivil dengan Mahkamah Syariah. Mahkamah Sivil adalah Mahkamah-mahkamah Persekutuan yang berbidang kuasa

kepada undang-undang Persekutuan dan juga Negeri selagi mana ianya tidak mencampuri bidang kuasa Mahkamah Syariah. Manakala, Mahkamah Syariah itu sendiri adalah Mahkamah-mahkamah Negeri yang berbidangkuasa terhadap undang-undang Islam yang terbatas tertakluk kepada Perenggan 1, Senarai Negeri Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan (Adil, 2000).

Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan pembahagian bidang kuasa perundangan di antara Badan Legislatif Persekutuan, iaitu Parlimen dengan Badan Legislatif Negeri, iaitu Dewan Undangan Negeri. Ia hendaklah dibaca dengan Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan. Di dalam Jadual Kesembilan tersebut telah dinyatakan tiga senarai-senarai perundangan dimulai dengan Senarai Persekutuan, kemudiannya Senarai Negeri dan terakhir adalah Senarai Bersama. Bidang kuasa perundangan Parlimen terletak di dalam Senarai Persekutuan dan juga Senarai Bersama, manakala bidang kuasa perundangan Dewan Undangan Negeri pula ada di dalam Senarai Negeri dan juga Senarai Bersama

Senarai-senarai perundangan yang disusun secara berturutan di bawah Jadual Kesembilan tersebut adalah merupakan pembahagian jelas bidang kuasa Legislatif di antara Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri. Justeru, dengan adanya pembahagian bidang kuasa di antara kedua-dua badan Legislatif ini, had-had Perlembagaan ('constitutional limit') bagi tujuan penggubalan undang-undang di antara Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dapat diberikan penyempadanan secara jelas melalui undang-undang tertinggi Negara.

Dengan pemahaman kepada struktur asas pembahagian bidang kuasa di antara Parlimen dan Dewan Undangan Negeri seperti yang kami huraikan di atas, kami akan meneruskan pula perkaitannya dengan bagaimanakah Mahkamah Syariah diwujudkan dan apakah punca kuasa penubuhannya di dalam setiap Negeri. Perenggan 1 Senarai Negeri menyatakan bahawa Dewan Undangan Negeri adalah berkuasa untuk menggubal undang-undang Negeri bagi maksud menubuhkan Sistem Kehakiman Syariah Negeri masing-masing yang mana, meminjam secara verbatim frasa yang terpakai di dalam Perenggan 1 tersebut:

'...keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang Persekutuan...'

Melalui Perenggan 1 Senarai Negeri tersebut, Negeri-negeri di dalam Malaysia melalui Badan Legislatif masing-masing telah menggubal Enakmen-enakmen Negeri untuk menubuhkan Sistem Kehakiman Syariah yang beroperasi secara berasingan di dalam setiap Negeri-negeri di Malaysia. Sebagai contoh di negeri Sabah, Mahkamah Syariah di dalam Negeri ini adalah ditubuhkan melalui Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sabah 2024.

Perenggan 1 Senarai Negeri tersebut bukan sahaja memberikan kuasa kepada Badan Legislatif Negeri untuk menggubal undang-undang bagi mewujudkan Sistem Kehakiman Syariah Negeri masing-masing, malahan di dalam peruntukan yang sama, Perenggan 1 itu juga telah menggariskan batasan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang hanya boleh mendengar sesuatu kes dengan syarat-syarat berikut:

- a) Pihak-pihak hendaklah beragama Islam;
- b) Hanya bagi perkara-perkara yang termasuk di dalam Perenggan 1 tersebut sahaja; dan
- c) Tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang Persekutuan.

Syarat pertama adalah begitu mudah untuk difahami kerana umum mengetahui bahawa Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan pihak yang bukan Muslim. Sementara, syarat yang kedua dan ketiga di atas pula memerlukan penjelasan. Oleh itu, merujuk kepada syarat kedua dan ketiga tersebut, persoalan yang harus dijawab adalah apakah perkara-perkara yang termasuk di dalam Perenggan 1 Senarai Negeri tersebut, dan apakah pula takat kesalahan-kesalahan yang

diberikan oleh undang-undang Persekutuan yang dengannya Mahkamah Syariah boleh berbidang kuasa?

Bagi tujuan tersebut, kita hendaklah memperincikan kandungan yang terdapat di dalam Perenggan 1 Senarai Negeri tersebut terlebih dahulu. Memandangkan kesemua Perenggan-perenggan di dalam Senarai Negeri adalah merupakan penyenaian perkara-perkara perundangan yang boleh digubal oleh Dewan Undangan Negeri, makanya Perenggan 1 di dalam Senarai Negeri tersebut pula adalah dikhususkan kepada apa-apa perkara yang jika digubal menjadi undang-undang Negeri, akan termasuk di dalam bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah Negeri masing-masing. Ini jelas dilihat melalui frasa ‘...hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini...’ yang merujuk kepada Perenggan 1 di dalam Senarai Negeri tersebut.

Oleh itu, seperti yang kita boleh lihat di Perenggan 1 tersebut, berikut adalah perkara-perkara yang boleh didengar oleh Mahkamah Syariah mengikut Enakmen-enakmen Negeri masing-masing:

- a) Undang-undang diri dan keluarga Islam;
- b) Kes-kes pewarisan, samada berwasiat ataupun tidak;
- c) Pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan dan penjagaan;
- d) Alang, pecah milik, amanah bukan khairat, wakaf;
- e) Pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam;
- f) Adat Melayu;
- g) Zakat, fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya;
- h) Masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam;
- i) Kesalahan jenayah Syariah yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan;
- j) Mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; dan
- k) Penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.

Suka kami menjelaskan sekali lagi bahawa senarai perkara-perkara yang dinyatakan di atas adalah sebenarnya merujuk kepada sebahagian perkara undang-undang yang boleh digubal oleh Badan Legislatif Negeri masing-masing menerusi Senarai Negeri. Walaupun demikian, apabila dibaca di dalam konteks bidang kuasa Mahkamah Syariah seperti yang dihadkan oleh Perenggan 1 Senarai Negeri itu sendiri, ia juga menggunakan peruntukan yang sama sebagai takat bidang kuasa Mahkamah Syariah daripada sudut ‘subject matter’ yang termasuk di bawah bidang kuasa eksklusifnya. Contohnya, Dewan Undangan Negeri Sabah telah menggubal Enakmen Keluarga Islam Sabah 2004 berpunca kuasa daripada butiran (a) di atas i.e Undang-undang keluarga Islam. Oleh itu, memakai semula Perenggan 1 Senarai Negeri tersebut di dalam konteks bidang kuasa Mahkamah Syariah pula, makanya Enakmen Keluarga Islam Sabah 2004 tersebut adalah terletak di bawah bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah Negeri Sabah sahaja tanpa adanya sebarang gangguan daripada Mahkamah Sivil.

Bagi melengkapkan persoalan berkenaan dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah ini i.e Merujuk kepada persoalan bagi batasan syarat yang ketiga yang dinyatakan di atas iaitu, ‘apakah takat kesalahan-kesalahan yang diberikan oleh undang-undang Persekutuan yang dengannya Mahkamah Syariah boleh berbidangkuasa?’ maka kita hendaklah melihat kembali Perenggan 1 Senarai Negeri tersebut terutamanya pada frasa ‘...pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk

dalam Senarai Persekutuan...’ untuk merungkai apakah jenis-jenis kesalahan yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Syariah di bawah bidang kuasa eksklusif jenayahnya.

Persoalan apakah skop kesalahan-kesalahan yang terkandung di dalam parameter ‘perintah agama’ yang dinyatakan di dalam frasa tersebut dan juga pertentangannya dengan klausa pengecualian (‘preclusion clause’) yang mengecualikan perkara yang sudah termasuk di dalam Senarai Persekutuan telah dibahaskan berkali-kali oleh Mahkamah Persekutuan menerusi kes-kes yang pelbagai. Kami rasa, buat masa sekarang kita boleh mengatakan bahawa melalui kes terkini iaitu kes Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid & Anor v Kerajaan Negeri Kelantan (2024) dan sebelumnya kes Iki Putra Mubarrak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor (2021), suatu penjelasan yang nyata telah dibuat oleh Mahkamah yang tertinggi Negara bahawa apa-apa perkara jenayah yang tersenarai di dalam Senarai Persekutuan adalah tidak boleh digubal oleh Badan Legislatif Negeri melalui ‘preclusion clause’ yang jelas terdapat di dalam Perenggan 1 Senarai Negeri tersebut. Itulah apa yang kami dapat simpulkan secara ringkas setelah menganalisa kedua-dua kes tersebut.

Oleh itu, apabila Badan Legislatif Negeri tidak berbidang kuasa untuk menggubal peruntukan jenayah yang termasuk di dalam Senarai Persekutuan, makanya Mahkamah Syariah juga tidak berbidang kuasa untuk mendengar kes-kes jenayah tersebut kerana ia adalah merupakan bidang kuasa eksklusif Mahkamah Sivil pula. Ini bermakna, apa-apa kes jenayah yang boleh didengar di Mahkamah Syariah hendaklah berada di luar skop undang-undang jenayah Persekutuan terlebih dahulu. Malahan, jenayah syariah yang boleh diputuskan oleh Mahkamah Syariah itu pula, jika ‘...diberikan oleh undang-undang Persekutuan yang dengannya Mahkamah Syariah boleh berbidangkuasa’ adalah tertakluk lagi dengan batasan hukuman yang ditentukan oleh Akta 355 iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Itulah yang dimaksudkan dengan frasa tersebut di mana Akta 355 yang merupakan Undang-undang Persekutuan telah memberikan kebenaran kepada Mahkamah-mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang berada di bawah bidang kuasanya pada takatan berikut, tertakluk kepada Enakmen Jenayah Syariah Negeri masing-masing:

- (a) Penjara tidak lebih daripada 3 tahun;
- (b) Denda tidak lebih daripada RM5,000 dan
- (c) Sebat tidak lebih 6 kali.

Dengan penjelasan di atas, kita boleh memahami betapa batasan bidang kuasa di antara Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil itu sudah digariskan oleh Perlembagaan Persekutuan. Sepatutnya, apabila bidang kuasa tersebut sudah jelas dan tersusun, tiada lagi sebarang pertentangan bidang kuasa yang akan terjadi di antara kedua-dua Sistem Kehakiman tersebut seperti yang dihasratkan oleh Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan (Adil, 2016). Namun, pasca penggubalan Perkara 121(1A) masih lagi merekodkan pertindihan bidang kuasa melalui kes-kes Mahkamah yang ada. Untuk tujuan tersebut, kami akan menerangkan berkenaan dengan pelanggaran bidang kuasa oleh Mahkamah Syariah dan implikasinya di dalam bahagian yang seterusnya di bawah ini.

Isu Pertindihan Bidangkuasa serta implikasi

Sejarah penggubalan Perkara 121(1A) adalah dibuat atas usaha yang dipelopori oleh Profesor Ahmad Ibrahim demi untuk mengelakkan terjadinya sebarang konflik bidang kuasa di antara Mahkamah Sivil dengan Mahkamah Syariah, yang sebenarnya telah terjadi di dalam beberapa kes-kes sebelumnya (Shah & Buang, 2021). Sebelum tergubalnya Perkara 121(1A), kes-kes Mahkamah seperti tuntutan hak penjagaan anak masih dibicarakan dan diputuskan oleh Mahkamah Sivil biarpun Mahkamah Syariah sudah ditubuhkan untuk mendengar kes-kes sebegitu yang melibatkan pasangan perceraian yang beragama Islam seperti yang terjadi di dalam kes Myriam v Mohamed Arif (1971).

Justeru, untuk mengelakkan pertentangan bidang kuasa di antara kedua-dua Mahkamah tersebut daripada terjadi lagi, Perkara 121(1A) telah digubal ke dalam Perlembagaan Persekutuan. Jika kita lihat peruntukkan Perkara 121(1A) itu sendiri, ia telah dengan jelasnya memberikan bidang kuasa eksklusif kepada Mahkamah Syariah yang bermakna, Mahkamah Sivil tidak boleh mencampuri apa-apa perkara yang tersenarai di bawah bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah tersebut. Namun demikian, apakah

selepas penggubalan Perkara 121(1A), kedua-dua Sistem Kehakiman yang berbeza ini telah bebas sepenuhnya daripada sebarang pertindihan kuasa? Jawapannya adalah tidak. Akan kami jelaskan.

Biarpun dengan adanya Perkara 121(1A) ini, pertindihan kuasa di antara Mahkamah Sivil dengan Mahkamah Syariah tetap juga seringkali terjadi di dalam kes-kes yang berlainan sehinggakan sudah berkali-kali juga perkara sedemikian diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan, yang merupakan Mahkamah tertinggi di Malaysia yang mempunyai kuasa untuk menyemak sebarang isu pelanggaran Perlembagaan di dalam bidang kuasanya yang sedia ada di bawah Perkara 128(2) Perlembagaan Persekutuan. Biarpun sudah diputuskan sedemikian oleh Mahkamah Persekutuan yang sepatutnya akan berfungsi untuk mewujudkan suatu prinsip undang-undang melalui ‘case-law’ yang mengikat, tetapi kita masih lagi mendapati kes-kes lain yang masih lagi difailkan di Mahkamah untuk membicarakan isu bidang kuasa di antara kedua-dua Sistem Keadilan ini sehingga kini jua.

Seperti yang disuarakan oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad ketika bersidang di Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Latifah bte Mat Zin v Rosmawati bte Sharibun & Anor* (2007), beliau telah menyenaraikan sebanyak 47 kes-kes – tidak termasuk kes *Latifah bte Mat Zin* itu sendiri – bermula daripada tahun 1970 (dimulai dengan kes *Commissioner for Religious Affairs, Terengganu & Ors v Tengku Mariam binti Tengku Sri Wa Raja & Anor*) sehingga ke tahun 2007 (iaitu melalui kes *Lina Joy lwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain*) di mana pertindihan bidang kuasa di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah telah menjadi isu perbahasan utama. Isu pertindihan tersebut, seperti yang dinyatakan oleh beliau tetap terus dipertikaikan melalui kes-kes tersebut meskipun Perkara 121(1A) sepatutnya telah mengelakkan isu pelanggaran bidang kuasa di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah daripada terus terjadi. Namun, sehingga kes *Latifah bte Mat Zin* tersebut diputuskan, beliau di dalam membacakan keputusan Mahkamah Persekutuan terhadap kes tersebut juga masih turut menyatakan bahawa:

‘Once again the issue of conflict of jurisdiction of the civil and the syariah courts has come to forefront. This problem has arisen and has become more serious over the last two decades. Courts, the civil courts as well as the syariah courts have had to grapple with this problem. While a judgment settles the case before the court, it creates other problems in subsequent cases.’

Melihat kepada perbahasan beliau yang panjang lebar berkenaan dengan prinsip-prinsip Perlembagaan berkenaan dengan bidang kuasa Legislatif dan juga Kehakiman, baik di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat Negeri, kita boleh membuat kesimpulan awal bahawa kes-kes sesudah *Latifah bte Mat Zin* sepatutnya tidak lagi perlu membahaskan isu dan permasalahan berkenaan pertindihan bidang kuasa di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah ini lagi. Namun, seperti yang kita lihat sehingga ke tahun ini juga, isu perbahasan pertindihan bidang kuasa Legislatif di antara Persekutuan dan Negeri, yang akan secara langsung atau tidak langsung menyentuh pula isu bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk mendengar sesuatu kes yang berkaitan daripadanya masih juga tetap terjadi. Kes-kes yang terbaharu diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan berkenaan dengan perkara ini adalah seperti berikut:

- a) *Indira Gandhi a/p Mutho v Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors and other appeals* (2018);
- b) *Iki Putra Mubarrak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor* (2021); dan
- c) *Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid & Anor v Kerajaan Negeri Kelantan* (2024).

Kami membahagikan kes-kes pelanggaran bidang kuasa oleh Mahkamah Syariah itu kepada dua jenis kes secara umumnya, iaitu kes tuntutan sivil (mal) ataupun kes jenayah. Secara ringkasnya, kenapa terjadinya pelanggaran bidang kuasa terhadap kes-kes tersebut bolehlah disimpulkan disebabkan cara penafsiran frasa-frasa tertentu di dalam Perenggan 1 Senarai Negeri tadi. Kami akan menerangkan dengan lebih lanjut kenapa kami berkata sedemikian berdasarkan otoriti-otoriti kes-kes Mahkamah yang sudah dibicarakan dan diputuskan di peringkat Mahkamah tertinggi Negara.

Pertamanya, pelanggaran bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah terjadi disebabkan pemakaian frasa di Perenggan 1 Senarai Negeri yang berbunyi ‘...mahkamah syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam...’ merujuk kepada batasan bidangkuasa yang pertama bagi kes-kes yang boleh didengar dan diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Kami melihat untuk isu yang berkaitan dengan status agama bagi pihak-pihak yang bertelingkah di Mahkamah

Syariah, ia selalunya terjadi untuk kes-kes yang bersifat sivil (mal) terutamanya yang melibatkan tuntutan hadhanah (hak penjagaan anak) di mana salah seorang pasangan di dalam perceraian adalah bukan Muslim namun tuntutan telah dibuat di Mahkamah Syariah kerana pihak yang satu lagi adalah beragama Islam. Walaupun begitu, tuntutan yang sama juga telah difailkan di Mahkamah Sivil oleh bekas pasangan yang bukan Muslim pula.

Seperti yang kita tahu, Mahkamah Syariah hanya boleh mendengar sesuatu kes apabila pihak-pihak yang menuntut adalah kesemuanya beragama Islam, dan itu pula telah mendatangkan masalah bidang kuasa apabila salah seorang di antara pasangan perceraian tersebut telah memeluk agama Islam, dan membuat tuntutan penjagaan anak di Mahkamah Syariah, sedangkan bekas pasangannya masih lagi dengan agamanya yang asal. Jadi, pada kes-kes terdahulu sebelum terakhir diputuskan oleh kes Indira Gandhi pada tahun 2018, pertelingkahan sedemikian adalah perkara yang seringkali terjadi di antara kedua-dua Sistem Kehakiman yang berbeza ini.

Sebenarnya, pertelingkahan bidang kuasa itu pula terkait secara langsung dengan peranan eksklusif Mahkamah Syariah untuk mendengar kes-kes perceraian dan penjagaan anak bagi undang-undang keluarga Islam. Makanya, bidang kuasa eksklusif itu pastinya akan menafikan bidang kuasa oleh Mahkamah yang satu lagi, iaitu Mahkamah Sivil. Secara teori dan prinsipnya itulah yang dihasratkan oleh Perlembagaan Persekutuan menerusi Perkara 121(1A). Namun, secara realitinya situasi pertelingkahan itu telah terjadi di atas sebab konflik pemakaian dua syarat-syarat berikut yang telah dibataskan oleh Perlembagaan Persekutuan untuk Mahkamah Syariah terhadap bidang kuasanya:

- a) Syarat beragama Islam untuk pihak-pihak yang boleh dibicarakan;
- b) Syarat bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah terhadap isu tuntutan ('subject matter') yang dikemukakan.

Contohnya, Mahkamah Syariah itu berbidangkuasa penuh dan eksklusif untuk mendengar isu tuntutan hadhanah (hak penjagaan anak) namun ia juga dibataskan dengan syarat kedua-dua pihak hendaklah Muslim. Oleh itu, jika salah seorang pasangan perceraian adalah bukan Muslim, ia akan menghasilkan isu keterbatasan bidang kuasa biarpun menerusi batasan 'subject matter' merit kes tersebut pula, ia adalah bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah seperti yang digariskan oleh Perlembagaan Persekutuan. Apabila Mahkamah Syariah tidak berbidang kuasa terhadap pasangan perceraian yang bukan Muslim tadi, adakah itu bermaksud Mahkamah Sivil pula yang akan berbidang kuasa untuk mendengar tuntutan dari pasangan perceraian yang tidak beragama Islam tersebut. Perkara sebeginilah yang merupakan contoh-contoh di mana akan terjadinya pertentangan di antara bidang kuasa dwi-Mahkamah yang terhasil daripada pertembungan dua syarat di dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri. Kami rasa, kami harus lagi merekodkan semula apa yang telah disuarakan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes Latifah bte Mat Zin bagi merungkai permasalahan tersebut:

'Just because the other court does not have jurisdiction over a matter does not mean that it has jurisdiction over it. So, take the example given earlier, if one of the parties is a non-Muslim, the syariah court does not have jurisdiction over the case, even if the subject matter falls within its jurisdiction. On the other hand, just because one of the parties is a non-muslim does not mean that the civil court has jurisdiction over the case if the subject matter is not within its jurisdiction. So, there may be cases over which neither court has jurisdiction. It may be said that it cannot be so. In my view, it can be so, because either court obtains its jurisdiction from statute, not from the fact that the court does not have jurisdiction over the matter.'

Sebegitu, apa yang diutarakan oleh Tun Abdul Hamid di dalam kes Latifah bte Mat Zin tersebut adalah suatu keadaan di mana, kedua-dua Sistem Kehakiman pastinya akan berhadapan dengan situasi bertentangan yang kedua-duanya juga tidak mempunyai bidang kuasa terhadap sesuatu isu di atas masalah yang disebabkan oleh Badan Legislatif sewaktu menggubal Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang bertulis ('statute') di bawahnya. Disebabkan masalah tersebut, badan Kehakiman pula terpaksa menjadi medan pencarian solusi sedangkan tugas Mahkamah adalah berbeza dengan tugas Badan Legislatif. Kekecewaan tersebut jelas terlihat apabila Mahkamah Persekutuan di dalam kes Latifah bte Mat Zin tersebut menekankan lagi bahawa:

‘The problem is, everyone looks to the court to solve the problem of the legislature. Judges too, (including myself), unwittingly, took upon themselves the responsibility to solve the problem of the legislature because they believe that they have to decide the case before them one way or the other.’

Kami berpendapat, apa yang cuba disampaikan di dalam kes Latifah bte Mat Zin tersebut adalah jelas menunjukkan bahawa pokok pangkal permasalahan adalah berpunca daripada peruntukkan undang-undang yang digubal oleh Badan Legislatif yang masih lagi belum dapat memberikan penyelesaian penuh terhadap isu pertentangan bidang kuasa dwi-Kehakiman biarpun setelah penggubalan Perkara 121(1A). Mahkamah hanyalah badan untuk memberikan interpretasi dan menggunakan pakai undang-undang bertulis dan bukan pula tugasnya untuk menggantikan undang-undang bertulis yang digubal oleh Badan Legislatif dengan undang-undang yang baharu. Itu sudah menjadi di luar bidang kuasa Mahkamah kerana ia sudah melanggar asas utama di dalam pengasingan komponen-komponen utama di dalam Persekutuan Malaysia yang terdiri daripada badan Eksekutif, badan Legislatif dan juga badan Kehakiman.

Setelah kes Latifah bte Mat Zin tersebut, perbincangan berkenaan perkara ini sepatutnya sudah boleh diredakan di peringkat Kehakiman, namun sebaliknya, ia tetap masih jua terus menjadi persoalan yang menghantui apabila menerusi suatu lagi kes pertelingkahan perebutan hak penjagaan anak dan juga status agama anak di dalam kes Indira Gandhi, isu pertindihan bidang kuasa ini telah kembali hangat semula. Sedikit fakta berkaitan kes ini adalah seperti berikut.

Indira Gandhi a/p Mutho dan Pathmanathan a/l Krishnan berkahwin di bawah Akta Undang-Undang Pembaharuan (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 dan mempunyai tiga anak. Pada 11 Mac 2009, Pathmanathan memeluk agama Islam dan mendapat perintah penjagaan ketiga-tiga anak daripada Mahkamah Tinggi Syariah. Anak-anak yang lebih tua tinggal bersama ibu mereka, manakala anak bongsu tinggal bersama bapa mereka. Indira kemudian mendapati anak-anaknya telah didaftarkan sebagai Muslim oleh Pendaftar Mualaf tanpa pengetahuannya dan beliau memfailkan semakan kehakiman terhadap pendaftaran itu, mendakwa ia melanggar prosedur yang ditetapkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

Mahkamah Tinggi mendapati pendaftaran itu tidak sah kerana tidak memenuhi keperluan dalam Seksyen-seksyen 96 dan 106 Enakmen Perak, dan membenarkan permohonan Indira untuk membatalkan perakuan penukaran agama anak-anaknya serta memberikan hak penjagaan kepada Indira. Enam responden, termasuk suami, membuat rayuan lalu Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi tidak mempunyai kuasa untuk mempersoalkan keputusan Pendaftar Mualaf. Namun, Mahkamah Persekutuan membenarkan rayuan Indira Gandhi, menyatakan bahawa Mahkamah Syariah tiada bidang kuasa eksklusif dalam perkara ini dan bahawa tindakan Pendaftar Mualaf adalah ultra vires kerana tidak mematuhi keperluan Seksyen-seksyen 96 dan 106 Enakmen Perak. Oleh itu, perakuan penukaran agama anak-anak itu dianggap tidak sah.

Sewaktu perbincangan di peringkat Mahkamah Persekutuan, kes-kes lama yang dijadikan sebagai sumber rujukan dan otoriti telah dibincangkan semula di hadapan kesemua panel-panel Hakim bagi mencari suatu jawapan terhadap peruntukan Perlembagaan berkenaan persoalan pertentangan bidang kuasa kedua-dua badan Kehakiman tersebut. Di satu sudut, kita telah melihat kepada solusi yang telah cuba diberikan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes duluan iaitu Latifah bte Mat Zin, namun ianya masih belum lagi dapat untuk memberikan satu titik noktah bagi permasalahan ini. Pada akhirnya, Mahkamah Persekutuan di dalam kes Indira Gandhi telah memberikan interpretasi kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan isu ini secara pendekatan yang bersifat ‘purposive’ melalui kaedah interpretasi ‘purposive rule’ demi untuk mencapai suatu pendekatan yang lebih dekat dengan hasrat utama Perlembagaan Persekutuan. ‘Purposive rule interpretation’ adalah merupakan suatu kaedah penafsiran undang-undang bertulis dengan cara melihat kepada tujuan asal kenapa peruntukan-peruntukan tersebut digubal dan penafsirannya akan dibuat dengan merujuk silang kepada kesemua peruntukan-peruntukan yang berkaitan untuk dibaca secara harmoni di dalam tujuan merungkai tujuan dan hasrat undang-undang tersebut secara utama). Inilah yang disuarakan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes Indira Gandhi tadi:

'[71] Clearly then, both cll (1) and (1A) of art 121 of the Federal Constitution illustrate the respective regimes in which each court operates. Thus issues of jurisdiction and conferment of powers in the civil courts and the syariah courts are clearly drawn. What they (c11 (1) and (1A) art 121 of the Federal Constitution) illustrate is that, both the civil and syariah courts co-exist in their respective spheres, even if they are dissimilar in the extent of their powers and jurisdiction, in that the civil courts are possessed of powers, fundamental and intrinsic, as outlined in the Federal Constitution. [72] In this it is emphasised that, if the relief sought by a plaintiff is in the nature of the 'inherent powers' of the civil court (for example judicial review) or if it involves constitutional issues or interpretation of the law, then the civil courts would be seised with jurisdiction to determine the issue, regardless of its subject matter and especially if it comes within the scope and ambit of judicial powers as outlined above.'

Biarpun kes Indira Gandhi tersebut kelihatan sudah memberikan suatu dapatan yang tegas berkenaan dengan isu pertindihan bidang kuasa di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, tetapi apabila kita melihat dapatan prinsip undang-undang yang dibuat oleh Mahkamah tertinggi Negara dengan fakta kes yang diutarakan di dalam kes itu pula, kami berpendapat bahawa ia hanya boleh digunapakai untuk kes-kes tuntutan perceraian yang diasaskan dengan perkahwinan yang berdaftar di bawah Undang-undang Sivil. Jadinya, di dalam konteks fakta tersebut, apa yang diputuskan di dalam Indira Gandhi mungkin tidak akan menutup pintu perbahasan bagi kes-kes lain yang di luar daripada isu tuntutan perceraian. Contohnya suatu tuntutan Hibah yang memang tertakluk di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah, tetapi jika salah satu pihak yang menuntut adalah tidak beragama Islam, adakah tuntutan Hibah tadi boleh didengar oleh Mahkamah Sivil pula, sedangkan bidangkuasa eksklusif untuk Hibah seperti yang sudah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes Latifah bte Mat Zin adalah kepunyaan Mahkamah Syariah sepenuhnya.

Kami sendiri sedang mengendalikan kes seperti ini di mana percubaan untuk mencabar keputusan Mahkamah Tinggi Syariah yang telah mengesahkan suatu Hibah telah difailkan di Mahkamah Tinggi (Sivil) terhadap anakguam kami. Isu pokok yang harus dirungkai adalah masih sama iaitu persoalan pertelingkahan bidang kuasa di antara kedua-dua Mahkamah ini. Di satu sudut, Hibah adalah di bawah bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah, namun pihak yang satu lagi pula adalah tidak beragama Islam. Kes ini didengar di hadapan hakim Mahkamah Tinggi (Sivil) di Kota Kinabalu, dan beliau berpihak terhadap anakguam kami, dengan memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi (Sivil) tidak mempunyai bidang kuasa untuk mempertikaikan keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah berkenaan Hibah, kerana itu adalah bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah di bawah Perlembagaan Persekutuan. Namun, pihak lawan masih lagi tidak berpuashati dengan keputusan tersebut dan kini telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan (Sivil) pula. Sehingga kini, kes ini masih lagi di dalam peringkat rayuan dan tarikh pendengaran masih lagi belum diberikan oleh Pendaftar, Mahkamah Rayuan (Sivil).

Di dalam kes-kes jenayah Syariah pula, kita akan melihat melalui kes Iki Putra di mana, pertuduhan jenayah Syariah yang telah dibuat ke atas Tertuduh di Mahkamah Syariah Selangor berasaskan kepada satu peruntukkan jenayah di dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, iaitu kesalahan percubaan melakukan liwat, telah dicabar keesahannya di Mahkamah Persekutuan. Apabila pertuduhan jenayah Syariah tersebut dibuat terhadap beliau di Mahkamah Syariah, beliau telah memohon penangguhan prosiding untuk merujuk persoalan undang-undang Perlembagaan ke Mahkamah Persekutuan terhadap isu sama ada undang-undang jenayah Syariah tersebut adalah terbatal kerana bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Suatu perbincangan yang agak panjang telah dibuat oleh Mahkamah Persekutuan akan skop undang-undang jenayah di dalam agama Islam yang sebenarnya merangkumi kepada kesemua aspek jenayah secara umum, termasuklah jenayah-jenayah yang ada di dalam Senarai Persekutuan. Namun, Mahkamah Persekutuan di dalam memberikan penafsiran kepada sistem pengagihan kuasa di antara Badan Legislatif Persekutuan dan Negeri telah menekankan bahawa undang-undang jenayah Syariah yang boleh digubal di peringkat Negeri hanyalah merujuk kepada bahagian undang-undang jenayah yang melibatkan kesalahan yang bersifat 'purely religious matter' (kesalahan jenayah keagamaan sepenuhnya) sahaja. Oleh itu, biarpun kesalahan liwat memang ada di dalam hukum Syarak, tetapi jika ia digubal oleh Badan Legislatif Negeri, undang-undang tersebut

adalah terbatal kerana ia adalah tertakluk di bawah Undang-undang jenayah umum di Senarai Persekutuan dan bukannya di bawah Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

Perbahasan tersebut dijelaskan lagi di dalam kes Nik Elin yang telah mengisytiharkan sebanyak 17 peruntukkan-peruntukkan di dalam Enakmen Jenayah Syariah Kelantan sebagai terbatal kerana penggubalannya adalah dibuat oleh Badan Legislatif Negeri Kelantan yang tidak berbidang kuasa untuk menggubal kesalahan-kesalahan tersebut di bawah Perenggan 1 Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, melihat kepada kes-kes yang sudah kami bahaskan di atas bagi tujuan merungkai apakah implikasi yang terjadi sekiranya ada pertelingkahan bidang kuasa di antara kedua-dua Mahkamah ini, kita pastinya akan bersetuju bahawa kesan yang utama adalah menyentuh kepada keesahan bidang kuasa Mahkamah tersebut dari sudut Perlembagaan Persekutuan. Ini bermakna, sesuatu kes atau keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah itu jika ia tidak dibuat mengikut bidang kuasanya yang telah dibenarkan oleh Perenggan 1 Senarai Negeri, ia pasti akan boleh dicabar untuk diperbetulkan sehingga ke peringkat Mahkamah Persekutuan, sebagai Badan Kehakiman Tertinggi yang bertanggungjawab mengikut Perkara 128 Perlembagaan Persekutuan untuk menjawab apa-apa isu pertindihan kuasa sama ada di dalam skop dwi-Mahkamah ataupun di antara Badan Legislatif Persekutuan ataupun Negeri.

Kesan yang terhasil daripada isu utama tersebut pula adalah kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam kes tersebut ('the litigant parties'). Kesukaran yang dihadapi oleh pihak-pihak yang terlibat di dalam kes sebegini telah juga disuarakan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes Latifah bte Mat Zin seperti berikut:

'[49] Until the problem is solved by the legislature, it appears that the only way out now is, if in a case in the civil court, an Islamic law issue arises, which is within the jurisdiction of the syariah court, the party raising the issue should file a case in the syariah court solely for the determination of that issue and the decision of the syariah court on that issue should be applied by the civil court in the determination of the case. But, this is only possible if both parties are muslims. If one of the parties is not a muslim such an application to the syariah court cannot be made. If the non-muslim party is the would-be plaintiff, he is unable even to commence proceedings in the syariah court. If the non-muslim party is the would-be defendant, he would not be able to appear to put up his defence. The problem persists. Similarly, if in the syariah court, a civil law issue e.g land law or companies law arises, the party raising the issue should file a case in the civil court for the determination of that issue which decision should be applied by the syariah court in deciding the case...[67] Of course, this is very cumbersome. But, that is the only way out under the current law. That is why I call upon the Parliament to step in to remedy the situation.'

Malahan, jika kita kupas lagi implikasi tersebut terhadap undang-undang jenayah pula, pastinya kita akan melihat betapa beberapa kesalahan jenayah yang sudah sedia ada termaktub di dalam undang-undang Persekutuan sepatutnya tidak boleh lagi diperuntukkan semula di dalam Enakmen Jenayah Negeri. Ini adalah implikasi yang kita boleh analisa menerusi kes Iki Putra dan Nik Elin di mana, Badan Legislatif Negeri sebenarnya tidak boleh menggubal undang-undang jenayah yang sudah termasuk di bawah Senarai Persekutuan, contohnya seperti kesalahan percubaan meliwat (di dalam kes Iki Putra) dan beberapa kesalahan-kesalahan lain yang digubal oleh Badan Legislatif Negeri, seperti yang diputuskan di dalam kes Nik Elin.

Sudah pasti pertelingkahan bidang kuasa legislatif ini pastinya akan terkait juga dengan bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk mendengar kes-kes yang sudah tiada asasnya di dalam pertuduhan jenayah Syariah tersebut menerusi lensa Perlembagaan Persekutuan, seperti di dalam kes Iki Putra. Oleh itu, pertelingkahan di dalam pembahagian bidang kuasa yang sepatutnya tidak lagi terjadi jikalau mengikuti teori dan objektif penggubalan Perkara 121(1A) di dalam Perlembagaan Persekutuan yang kami sudah nyatakan di awal perbahasan ini masih lagi tidak dapat diberikan titik noktah sepenuhnya di dalam aplikasi kehidupan masyarakat Malaysia yang berlainan agama dan juga kes-kes yang sentiasa berkembang dari sudut fakta dan permasalahannya. Oleh itu, suatu intervensi daripada Badan Legislatif

Persekutuan adalah diharapkan dapat dibuat untuk menambah-baik undang-undang bertulis yang sedia ada untuk tujuan penyelarasan kedua-dua bidang kuasa Mahkamah ini di dalam konteks semasa, seperti yang disuarakan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam Latifah Bte Mat Zin:

'[78] The Constitution was made 50 years ago at the time when the Muslims in the then Malaya were mostly Malays living in rural areas working mainly, as farmers, rubber tappers and fishermen. Marriages were usually within the village or the district. Inter-marriages were very rare. Conversions to Islam were equally rare. Indeed, at that time anyone who converted to Islam 'became a Malay' ('masuk Melayu'). 'Harta sepencarian' was confined to small plots of rice land or rubber small-holdings in the same District or State. The Constitution was drafted under those circumstances and it was to cater for such conditions that the syariah court was established. No one then could foresee the problems that would arise regarding the administration of the syariah court (eg as a result of it being a State court) and the jurisdictional issues involving the syariah and the civil court and non-Muslims involved in a matter falling within the jurisdiction of the syariah court. [79] Now, fifty years after independence during which period Malaya had become Malaysia. The country that was an agricultural country has transformed into an industrial country. With better education and economic development, the Malay-Muslim society itself has transformed. Inter-state population movement is common. Inter-state marriages and inter-marriages are a common occurrence. Conversion to Islam and re-conversion happen more frequently. 'Harta sepencarian' now includes shares and bank accounts. In other words, the conditions have drastically changed. [80] As a result, jurisdictional problems that had not been envisaged have arisen. Some require double proceedings, one in the civil court and another in the syariah court before a final decision may be made. This causes delay and incurs unnecessary expenses. Others are outside the jurisdiction of both courts. These are not matters that the courts can solve as the courts owe their jurisdiction to statutes. It is for the Legislature to step in, to decide as a matter of policy what should be the solution and legislate accordingly.'

Isu dan Cadangan Penambahbaikan

Parameter Perlembagaan

Salah satu cara untuk memahami dan menangani isu pertindihan kuasa adalah dengan merujuk kepada parameter yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, khususnya Jadual Kesembilan, Senarai Negeri, Perenggan 1. Peruntukan ini menyatakan bahawa bidang kuasa Mahkamah Syariah terhad kepada perkara-perkara yang melibatkan pihak-pihak beragama Islam dan "subject matter" tertentu. Contohnya, isu-isu seperti hadhanah (hak penjagaan anak), hibah (pemberian harta), dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan undang-undang keluarga Islam dan adat istiadat Melayu. Dengan parameter ini, Perlembagaan memberikan panduan yang jelas mengenai had dan skop bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Namun, dalam pelaksanaan praktikal, kerap kali wujud cabaran apabila parameter ini tidak difahami atau dihormati sepenuhnya oleh pihak-pihak tertentu. Sebagai contoh, kes-kes yang melibatkan hadhanah atau pembahagian harta sering kali menimbulkan konflik antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah apabila pihak-pihak berbeza agama atau melibatkan aspek yang tidak jelas dalam senarai negeri. Oleh itu, parameter yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan ini perlu difahami dengan lebih mendalam dan diterapkan secara konsisten oleh semua pihak yang terlibat.

Selain itu, penguatkuasaan parameter ini memerlukan kerjasama erat antara badan perundangan, pihak kehakiman, dan masyarakat umum. Kesedaran mengenai had kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil harus ditingkatkan melalui pendidikan dan penerangan yang berkesan. Hanya dengan pemahaman dan penerapan yang betul, parameter Perlembagaan ini dapat berfungsi sebagai asas yang kukuh untuk mengurangkan konflik bidang kuasa. (Mohamad, A. H. 2006).

Penyelarasan Undang-Undang

Salah satu langkah penting dalam mengatasi pertindihan kuasa ialah dengan memperbaiki penyelarasan undang-undang antara sistem Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Penambahbaikan Akta 355, yang bertujuan untuk memperluas bidang kuasa Mahkamah Syariah, adalah satu langkah yang wajar dipertimbangkan. Dengan memperluas had hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah, ia dapat menangani lebih banyak kes berkaitan undang-undang Islam tanpa perlu campur tangan Mahkamah Sivil.

Selain itu, meningkatkan kerjasama antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah melalui garis panduan yang jelas juga penting. Garis panduan ini harus menetapkan mekanisme untuk menangani isu-isu yang berpotensi mencetuskan konflik, seperti hadhanah, hibah, dan pembahagian harta. Dengan adanya kerjasama ini, kedua-dua mahkamah dapat beroperasi secara harmoni dan mengelakkan percanggahan keputusan yang hanya akan merugikan pihak-pihak yang terlibat.

Langkah-langkah ini juga memerlukan penglibatan aktif pihak berkepentingan seperti peguam, hakim, dan penggubal undang-undang. Mereka perlu bekerjasama untuk merangka undang-undang yang lebih selaras dan komprehensif, yang dapat mengurangkan ruang untuk konflik. Penyelarasan undang-undang bukan sahaja akan mempercepatkan proses litigasi tetapi juga meningkatkan keyakinan awam terhadap sistem perundangan negara.

Pendidikan dan Latihan

Untuk memastikan pelaksanaan undang-undang yang lebih berkesan, pendidikan dan latihan memainkan peranan penting. Hakim dan peguam perlu dilatih untuk memahami kedua-dua sistem undang-undang, iaitu undang-undang Sivil dan Syariah. Latihan ini harus melibatkan pemahaman mendalam mengenai parameter bidang kuasa, prinsip-prinsip perundangan, dan cara menangani kes-kes yang melibatkan pertindihan bidang kuasa.

Di samping itu, kesedaran awam tentang peranan dan fungsi Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil juga perlu dipertingkatkan. Banyak pihak masih tidak memahami perbezaan antara kedua-dua mahkamah, menyebabkan kekeliruan dan salah faham. Kempen kesedaran dan program pendidikan awam boleh membantu masyarakat memahami hak mereka dan proses perundangan yang relevan dengan lebih baik.

Pendidikan dan latihan juga perlu diberi tumpuan kepada pegawai penguatkuasa undang-undang untuk memastikan mereka dapat melaksanakan keputusan mahkamah dengan tepat. Latihan ini harus bersifat berterusan dan melibatkan simulasi kes sebenar untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai. Dengan pendekatan ini, pelaksanaan undang-undang akan menjadi lebih efektif dan bebas daripada konflik bidang kuasa.

Reformasi Perundangan

Reformasi perundangan adalah satu lagi aspek penting dalam menyelesaikan isu pertindihan kuasa. Peruntukan undang-undang sedia ada perlu dipinda untuk mengurangkan ruang yang memungkinan percanggahan antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Sebagai contoh, undang-undang yang berkaitan dengan status agama anak, hak penjagaan, dan pembahagian harta perlu dirangka semula agar lebih selaras dengan parameter Perlembagaan dan kehendak kedua-dua sistem perundangan.

Selain itu, mewujudkan mekanisme penyelesaian pertikaian bidang kuasa melalui badan bebas boleh membantu menangani konflik yang timbul. Badan ini boleh bertindak sebagai penimbang tara yang memberikan keputusan objektif dalam kes-kes yang melibatkan pertindihan bidang kuasa. Dengan adanya mekanisme ini, proses litigasi dapat dipercepatkan, dan pihak-pihak yang terlibat tidak perlu menanggung kos dan masa yang berlebihan.

Reformasi perundangan juga perlu melibatkan kajian mendalam terhadap kes-kes lampau untuk mengenal pasti punca sebenar konflik. Hasil kajian ini boleh dijadikan asas dalam merangka undang-undang baru yang lebih holistik dan berkesan. Dengan reformasi yang menyeluruh, sistem kehakiman negara dapat ditingkatkan untuk memberikan keadilan yang lebih baik kepada semua pihak.

Intervensi Legislatif: Konstruktif vs Destruktif

Intervensi legislatif juga memainkan peranan dalam menangani isu pertindihan kuasa. Namun, intervensi ini haruslah bersifat konstruktif, iaitu memperkukuhkan sistem perundangan dan menyelesaikan konflik, bukannya destruktif yang boleh melemahkan institusi kehakiman. Sebagai contoh, penggubalan undang-undang baru yang selaras dengan prinsip-prinsip Perlembagaan boleh membantu memperbaiki proses perundangan dan memastikan keharmonian antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

Sebaliknya, intervensi destruktif seperti penggubalan undang-undang yang tidak mengambil kira kesan terhadap sistem kehakiman atau masyarakat hanya akan menambah kekeliruan dan konflik. Oleh itu, proses legislatif perlu dijalankan dengan teliti dan melibatkan semua pihak berkepentingan, termasuk pakar undang-undang, badan kehakiman, dan masyarakat awam. Dengan pendekatan yang berhati-hati dan inklusif, intervensi legislatif dapat menjadi alat yang berkesan untuk menyelesaikan isu pertindihan kuasa dan memperkukuhkan keadilan di Malaysia.

Intervensi legislatif yang konstruktif juga memerlukan pemantauan dan penilaian berkala untuk memastikan keberkesanannya. Sebarang kelemahan atau kesilapan dalam pelaksanaan perlu ditangani dengan segera melalui pindaan atau penambahbaikan undang-undang. Dengan cara ini, sistem kehakiman dapat terus berkembang dan memberikan perlindungan serta keadilan yang lebih baik kepada rakyat. (Shah, M. H. S. M. H., & Buang, A. H. 2021)

Kesimpulan

Pertindihan kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah mencerminkan cabaran dalam menguruskan sistem kehakiman dualisme di Malaysia. Dengan reformasi yang sesuai, termasuk penyelarasan undang-undang dan pendidikan, sistem ini dapat diperbaiki untuk memastikan keadilan dan keberkesanan pelaksanaan undang-undang. Penekanan harus diberikan pada keharmonian antara kedua-dua sistem agar hak semua pihak dilindungi tanpa menjejaskan prinsip Perlembagaan Persekutuan.

Isu pertindihan kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah telah menjadi perdebatan yang berterusan di Malaysia, walaupun penggubalan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan bertujuan untuk mengelakkan konflik ini. Walaupun bidang kuasa kedua-dua mahkamah jelas terpisah, dalam amalan, masih terdapat pertindihan yang menimbulkan kerumitan dalam pelaksanaan keadilan. Kes-kes seperti Indira Gandhi dan Iki Putra telah memperlihatkan betapa jurang interpretasi undang-undang yang berbeza antara kedua-dua mahkamah menyebabkan masalah dalam menyelesaikan isu-isu yang serupa. Sebagai contoh, dalam kes Indira Gandhi, hak penjagaan anak telah menjadi isu utama yang melibatkan kedua-dua mahkamah, di mana Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah masing-masing mendakwa mempunyai kuasa. Isu seperti ini mencerminkan ketidakseimbangan yang wujud dalam pembahagian kuasa antara dua sistem kehakiman yang berasingan.

Untuk mengatasi isu pertindihan ini, koordinasi yang lebih erat antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah sangat diperlukan. Tanpa kerjasama yang jelas, hak individu boleh terjejas, dan keadilan boleh terganggu. Sebagai contoh, kes-kes seperti hak penjagaan anak dan isu perkahwinan yang melibatkan pasangan berlainan agama sering kali terperangkap dalam pertentangan antara kedua-dua mahkamah. Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa eksklusif dalam perkara-perkara berkaitan agama Islam, namun apabila melibatkan isu-isu seperti perkahwinan antara agama atau hak penjagaan anak, kekeliruan tentang bidang kuasa yang mana perlu diutamakan sering berlaku. Oleh itu, adalah penting untuk mewujudkan satu sistem yang lebih padu di mana kedua-dua mahkamah dapat bekerjasama dalam menyelesaikan kes-kes yang melibatkan kedua-dua aspek undang-undang Sivil dan Syariah.

Untuk mencapai sistem kehakiman yang lebih efektif pada masa depan, usaha penyelarasan undang-undang perlu dilakukan, terutama dalam menangani masalah pertindihan kuasa ini. Pindaan terhadap undang-undang sedia ada mungkin diperlukan, terutamanya dalam kes-kes yang melibatkan undang-undang jenayah Islam, seperti Hudud dan Qisas, yang memerlukan perbincangan lebih lanjut antara Parlimen dan badan kehakiman. Selain itu, pendidikan dan latihan untuk hakim dari kedua-dua mahkamah harus diberi tumpuan agar mereka lebih peka terhadap batasan bidang kuasa mereka. Peranan mereka bukan sahaja untuk menegakkan keadilan tetapi juga untuk memahami dengan

mendalam peruntukan undang-undang yang ada dan mengelakkan pertindihan kuasa. Dalam masa yang sama, pembuat dasar perlu mempertimbangkan cadangan untuk merumuskan undang-undang yang lebih jelas dan selaras dengan keperluan masyarakat majmuk Malaysia. Ini akan memastikan bahawa semua pihak, tidak kira latar belakang agama atau budaya, dapat mempercayai dan menerima sistem kehakiman kita.

Dengan langkah-langkah penyelarasan ini, kita boleh bergerak ke arah sistem kehakiman yang lebih efisien, adil, dan relevan dengan kehendak masyarakat semasa. Langkah ini bukan sahaja penting untuk mengatasi pertindihan kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, tetapi juga untuk memperkukuhkan integriti sistem kehakiman negara kita.

Rujukan

- Abdullah, A. R. T., Bala, B., & Mulia, P. A. (2019). Perjanjian Malaysia 1963: Kerangka perundangan dalam gagasan Malaysia dan proses dekolonialisasi Sabah dan Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 4(1).
- Adil, M. A. M. (2016). Mahkamah Syariah di Malaysia: Kemajuan dan pencapaian. *ICR Journal*, 7(2), 243–263.
- Che Omar Che Soh v Public Prosecutor [1988] 2 MLJ 55.
- Che Pa, H., Muhammad, N. H. N., & Mustar, S. (2016). Bidang kuasa eksklusif mahkamah syariah selepas pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan: Satu penilaian. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 4, 1–13.
- Iki Putra bin Mubarrak v Kerajaan Negeri Selangor & Anor [2021] 2 MLJ 323.
- Indira Gandhi a/p Mutho v Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors and other appeals [2018] 1 MLJ 545.
- Latifah bte Mat Zin v Rosmawati bte Sharibun & Anor [2007] 5 MLJ 101.
- Mohamad, A. H. (2006). Conflict of civil and Shari'ah law: Issues and practical solutions in Malaysia. In *International Seminar on Shari'ah and Common Law 2006* (Organised by Kolej Universiti Islam Malaysia) [Conference presentation]. Palace of the Golden Horses, September 20–21.
- Myriam v Mohamed Ariff [1971] 1 MLJ 265.
- Nik Elin Zurina bt Nik Abdul Rashid & Anor v Kerajaan Negeri Kelantan [2024] 2 MLJ 150.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- Shah, M. H. S. M. H., & Buang, A. H. (2021). Ahmad Ibrahim dan sumbangannya dalam perkembangan Islam di Malaysia: Ahmad Ibrahim and his contribution in the development of Islam in Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 16(1), 81–98.